

**Soalan No :11**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR [ SILAM ]

**TARIKH :** 19.10.2015

**SOALAN :**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 apakah usaha yang telah digerakkan oleh Kementerian dalam memberikan pendidikan seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar terutama dari aspek infrastruktur dan kemudahan teknologi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan mengambil usaha yang berterusan dalam **menyediakan pendidikan seimbang dan menyeluruh** meliputi kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman. Perkara ini turut digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menetapkan lima (5) aspirasi sistem iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan bagi mencapai enam (6) aspirasi murid.

KPM memberi keutamaan kepada menyediakan kemudahan pendidikan infrastruktur asas yang lebih kondusif kepada murid berdasarkan

keperluan masyarakat setempat melalui projek pembinaan sekolah baharu, pembinaan bangunan tambahan, menaik taraf dan membaik pulih bangunan sekolah yang daif serta tidak selamat digunakan, bekalan air terawat, bekalan elektrik dan peralatan atau kemudahan sekolah. Sebagai contoh, pada tahun 2014 sebanyak 3,070 projek naik taraf dan pembaikan siap dilaksanakan di 2,410 buah sekolah. KPM juga berusaha menyediakan kemudahan asrama di sekolah harian bagi meningkatkan akses pendidikan bagi murid luar bandar dan kawasan pedalaman. Selain daripada itu, KPM juga memberi perhatian kepada kebajikan guru-guru yang mengajar di kawasan luar bandar dan pedalaman dengan menyediakan kemudahan rumah guru atau kuarters.

Melalui Anjakan ke-7 PPPM 2013-2025, aspek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) diberikan keutamaan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di sekolah. KPM telah melancarkan 1BestariNet bagi menyediakan akses internet dan pelantar persekitaran pembelajaran maya atau *Virtual Learning Environment* (VLE) ke semua sekolah seluruh negara. Sehingga 8 Oktober 2015, sebanyak 8,938 sekolah telah dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet. Baki sekolah-sekolah yang belum dirangkaikan dengan 1BestariNet, dibekalkan talian internet melalui *Internet Service Provider* (ISP) lain. Manakala, sebanyak 9,659 sekolah telah dibekalkan dengan peralatan ICT. Guru-guru juga diberi latihan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam menyepadukan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.